

MEDIA DAN ISU ALAM SEKITAR (Media and the Issues of Environment)

MOHD YUSOF HJ OTHMAN*

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600
Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Alam sekitar merupakan isu yang menjadi liputan utama akhbar hari ini. Tetapi media massa boleh juga mempengaruhi pembaca dalam membina persepsi yang benar terhadap isu alam sekitar ini. Selain daripada melaporkan apa yang terjadi terhadap alam, media massa juga berperanan untuk mengubah dan membentuk sikap pembaca ke arah bertindak secara proaktif. Ini dapat dilihat dari tiga sudut utama; media massa dan budaya, media massa dan bahasa dan media massa dalam membina persepsi masyarakat. Empat aktiviti utama ke arah mengurus alam agar lebih lestari adalah pengurusan hutan, pengurusan air, pengurusan tenaga dan pengurusan sisa. Kertas ini membicarakan isu ini dalam usaha untuk membangun masyarakat pembaca yang lebih sensitif tentang isu alam sekitar.

Kata Kunci: Alam sekitar, media, pengurusan, pencemaran, kemapanan

ABSTRACT

Environmental issue is one of dominance issues in most mass media of today. However, the media can also create awareness to their readers, and contribute to the positive perception on the issue. Apart from just merely reporting what happen to the environment, mass media can also change the attitude of their readers, and forms the opinion of the readers so that they can act proactively. This can be observed in three different ways; media and culture, media and language, and media and public perception. Four main activities toward better management of the environment are; forest management, water management, energy management, and waste management. This paper discusses this issue in order to develop reading habit among members of society who are sensitive on the issue of environment.

Keywords: Environment, media, management, pollutions, sustainability

*Corresponding Author: Mohd Yusof Hj Othman , IIInstitut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia, E-mail: myho@ukm.my

Diserahkan: 2 Mac 2010

Diterima: 12 Mei 2010

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2010-0202-01>

PENDAHULUAN

Media merupakan perantara terpenting dalam menyampaikan sesuatu maklumat atau mesej, manakala media massa pula adalah alat atau instrumen terpenting yang digunakan untuk menyampaikan maklumat, membina persepsi dan tanggapan, dan membentuk sikap masyarakat tentang maklumat yang disampaikan. Penyampaian maklumat dan mesej amatlah penting kerana sesuatu idea, berita atau maklumat tidak dapat disampaikan sekiranya kita tidak mempunyai media untuk menyampaikannya. Media massa atau media untuk menyampaikan maklumat pula boleh dalam pelbagai bentuk. Bentuk media massa yang lazim adalah media cetak seperti surat, surat khabar, majalah atau buku, dan media elektronik seperti radio, televisyen, komputer, telefon dan teknologi maklumat dan telekomunikasi yang lain.

Media telah terbukti merupakan peralatan atau perantara terpenting dalam menyampaikan maklumat dan mesej tertentu. Kepentingan media bukan sekadar terhenti setakat menyampaikan maklumat sahaja, tetapi lebih dari itu kerana media berperanan dalam membentuk pola pemikiran masyarakat. John Milton, yang pernah disebut oleh Mohd Safar Hasim (2005) sebagai pengasas pejuang kebebasan akhbar di Barat, pernah menyebut di Parlimen England dalam tahun 1643:

“Berilah aku kebebasan untuk mengetahui, untuk bersuara, dan untuk berhujah secara bebas menurut rasa hati, mengatasi kebebasan yang lain”

“Walaupun kepalsuan dan kebenaran dipertarungkan, percayalah dengan kekuatan kebenaran dengan tidak melesenan atau mengawalnya, kerana akhirnya ia akan berjaya menewaskan kepalsuan”

Namun demikian perubahan yang berlaku dalam masyarakat oleh media massa boleh menuju ke arah kebaikan dan juga menuju ke arah kemudarat. Kebaikan kerana media berperanan dalam menyampaikan maklumat dari pihak tertentu untuk kesejahteraan masyarakat, kehidupan yang lebih harmoni sesama manusia dan alam di persekitarannya. Kemudarat kerana ada mereka di sebalik media berusaha untuk membangunkan agenda tersendiri (sama ada individu atau kumpulannya) yang membelakangkan kehidupan harmoni masyarakat dan alam di persekitarannya. Kepentingan ini mungkin sahaja berbentuk kepentingan peribadi atau kepentingan dalam masyarakat seperti kepentingan ekonomi, politik dan juga kepentingan kelompok tertentu melampaui kebenaran seperti yang dituntut oleh Milton di atas. Sering kali kita mendengar laporan di media massa yang boleh memberi kesan langsung kepada indeks prestasi ekonomi sesebuah negara.

MEDIA PENGUBAH PERSEPSI MANUSIA

Seorang ahli falsafah, ahli matematik, ahli fizik dan juga penulis dari Perancis yang terkenal di abad ke tujuh belas, René Descartes (31 Mac 1596-11 Februari 1650) (Wikipedia 2009a) pernah mengungkap kata-kata yang berbentuk falsafah dalam bahasa Latin seperti yang berikut (Wikipedia 2009b):

“Cogito, ergo sum”

Dalam bahasa Inggeris kata-kata ini terkenal dengan terjemahannya sebagai “*I think, therefore I am*”, atau dalam bahasa Melayu dapat diterjemahkan sebagai “Saya, apa yang saya fikirkan”, atau dapat juga disebut sebagai “*I am thinking, therefore I exist*” atau “Saya wujud, kerana saya berfikir”.

Pengertian pertama kepada ungkapan falsafah ini bermaksud jati diri dan peribadi seseorang itu terletak kepada bagaimana dia memikirkan tentang sesuatu. Kalau kita ingin tahu siapakah seseorang itu, kita mesti membaca buah fikirannya sama ada melalui perbualan kita dengan dia, atau membaca pemikiran yang ditulisnya di dalam sesbuah rencana atau buku. Dengan demikian, dia adalah apa yang dia fikirkan dan apa yang ditanggapinya tentang sesuatu. Fikrah, atau cara dirinya berfikir, yang dijelaskan melalui sikapnya merupakan apa yang terdapat di dalam pemikirannya.

Pengertian kedua membawa maksud kewujudan seseorang itu bergantung kepada bagaimana dia memberikan buah fikirannya. Sebab itu seseorang itu wujud kerana dia sentiasa memberikan pandangan dan buah fikirannya tentang peristiwa yang berlaku di sekitarnya. Maknanya manusia itu bukan sekadar tubuh yang fizikal, tetapi juga kemampuan untuk memberi pandangan dan reaksinya terhadap peristiwa yang berlaku di sekitarnya. Pandangan yang diberikan itulah merupakan gambaran tentang seseorang. Para ilmuwan dan pujangga, pemimpin yang berwibawa dan tersohor sering kali tidak akan membiarkan apa saja yang berlaku di persekitarannya tanpa diberikan reaksi. Reaksi yang diberikan menggambarkan apa yang sedang difikirkan seseorang. Dengan demikian kewujudannya akan dirasai masyarakat berdasarkan pemikirannya - “Saya wujud, kerana saya berfikir”.

Pengertian secara individu di atas boleh pula ditafsirkan kepada sesuatu ideologi, tasawur dan faham hidup yang terdapat di dalam sesuatu budaya atau agama masyarakat. Misalnya ideologi, faham hidup, pandangan alam atau tasawur Islam adalah apa yang terkandung di dalam ajaran Islam yang sumber asasnya adalah al-Qur'an, al-Sunnah, pandangan dan pendapat ilmuwan Islam (ijmak ulama). Maknanya, apa itu Islam? Islam adalah apa yang terkandung dalam ajaran Islam yang merupakan perintah, suruhan, larangan dan peraturan yang terdapat di dalam ajaran Islam. Maknanya kita dapat katakan ‘Islam’

apa yang Islam ‘fikirkan’ - Islam adalah apa yang terkandung di dalam ajaran Islam.

Kata-kata yang diungkap oleh René Descartes adalah dalam bahasa Latin, walaupun beliau berbangsa Perancis, sebab pada masa itu bahasa Latin adalah bahasa pengantar ilmu, dan bahasa lingua franca. Kalau kita amat-amati pada masa ini, di mana media massa berperanan mencorak pemikiran seseorang, dan juga mencorak pandangan masyarakat awam, kata-kata René Descartes “*Cogito, ergo sum*” tidak lagi berlaku di hari ini. Sebaliknya, dengan kepesatan dan ketangkasaran pembangunan teknologi media massa, apa yang berlaku adalah ‘saya adalah apa yang orang fikirkan tentang diri saya’, atau ‘saya adalah apa yang media massa ceritakan tentang diri saya’. Dengan demikian media massa merupakan perantara yang amat penting dalam mencorakkan pandangan masyarakat tentang siapakah seseorang itu. Dalam suasana yang begini, media massa bukan sekadar menyampai maklumat dan mesej, tetapi ianya bertindak sebagai pembentukan pemikiran masyarakat tentang sesuatu.

Mohamad Sabri Haron (2009) menyatakan bahawa salah satu agenda Yahudi yang utama melalui media adalah untuk menguasai minda manusia melalui media seperti kenyataan yang terdapat dalam Protokol 9 dan 10. Beliau telah mengutip pandangan yang telah diberikan oleh Nik Azran & Mohd Mahadi Hj Isa (2005):

“Yahudi akan merosakkan moral pemuda-pemuda bukan Yahudi dengan menanamkan teori-teori palsu dan ilmu-ilmu yang batil”

Manakala Protokol 12 pula menyebut:

“Kalau bangsa bukan Yahudi diberi permit menerbitkan sepuluh akhbar atau majalah, maka bangsa Yahudi mesti menerbitkan 30 akhbar atau majalah”

Dengan kata lain, bagi bangsa Yahudi, media perlu dikuasai dan didominasi kerana dengan menguasai media, mereka dapat membentuk pemikiran masyarakat yang membolehkan mereka ‘menguasai pemikiran’ masyarakat tersebut. Pandangan, maklumat dan mesej yang disampaikan melalui media biasanya menjadi perbualan dan rujukan masyarakat awam yang kurang membaca buku-buku ilmiah, atau menghadiri majlis persidangan yang bersifat ilmiah.

Begitu juga dengan fahaman dan ajaran yang dibawa oleh Islam. Hari ini masyarakat awam tidak lagi melihat ajaran Islam melalui apa yang dinyatakan dalam al-Qur'an, hadis atau pandangan ilmuwan Islam yang berwibawa, sebaliknya mereka melihat bagaimana media massa menceritakan dan menerangkan tentang Islam. Natijahnya, hari ini apabila media massa, melalui

tulisan, gambaran, rakaman video dan juga karikurnya menggambarkan Islam sebagai agama ganas, menggalakkan jenayah, anti *establishment*, anti tamadun, anti pembangunan, dan semua perkara yang negatif, maka seluruh masyarakat akan menerima kenyataan tersebut walaupun ajaran yang diajar oleh Islam (al-Qur'an, hadis, pandangan para ilmuwan Islam) tidak sedemikian.

Di sinilah peranan media massa menjadi teramat penting dalam mencorakkan pemikiran masyarakat. Media bukan sekadar menyampaikan maklumat dan mesej, tetapi media juga dapat membentuk tasawur, atau pandangan alam manusia. Media boleh menyebabkan ‘orang yang baik menjadi jahat’, dan media juga boleh menjadikan ‘seorang yang jahat itu menjadi baik’, dengan pengaruh dan rangkaian maklumat yang mereka miliki.

Media dan budaya

Hari ini dengan bantuan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang pantas dan cekap, maklumat dan mesej boleh sampai di mana-mana sahaja kita berada dengan kadar yang cukup cepat. Walaupun pada asasnya TMK hanyalah teknologi yang berfungsi untuk menyampaikan maklumat sahaja, tetapi yang amat penting sekali adalah maklumat itu sendiri. Tanpa maklumat TMK tidak akan bermakna. Maklumat inilah yang amat diperlukan oleh manusia. Malah ada yang menyebut ‘maklumat adalah kuasa’. Oleh kerana maklumat adalah kuasa, maka untuk berkuasa, - Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang merupakan wasilah untuk menyampai dan mendatangkan maklumat menjadi cukup penting dan perlu dikuasai.

Kita lihat, sebagai contoh, bagaimana peranan iklan dalam mempromosi barang jualan telah mengubah persepsi manusia terhadap barang tersebut. Kita semua sedar bahawa burger, pizza, salad dan *hot dog* bukanlah makanan asasi kita. Malah suatu ketika dulu ia merupakan makanan asing yang tidak enak untuk sebilangan golongan generasi tua kita, sebab kita lebih selesa dengan nasi lemak, karipap, cucur kodok, lempeng, pulut ikan masin dan pelbagai makanan tradisi yang enak dan cukup berkhasiat. Tetapi kini setelah rangkaian makanan segera, dengan pelbagai promosi dan juga iklan yang dipaparkan saban minit, anak remaja sudah menjadikan burger dan *hot dog* sebagai makanan harian mereka. Persepsi dan selera mereka terhadap makanan sudah berubah. Kini penjual burger, *hot dog*, pizza dan salad bukan sahaja menjadi semakin popular dan kaya, yang bukan sahaja menambah pendapatan mereka, tetapi juga merubah persepsi dan budaya orang Timur dalam budaya makan.

Begitu juga dalam dunia hiburan yang dipromosikan secara amat berleluasa oleh pelbagai media kini, termasuk media perdana kita sendiri. Anak remaja tidak lagi mengenal orang-orang yang berilmu di sekitar mereka, termasuk guru dan ilmuwan di tanah air sendiri, apakah lagi ilmuwan antarabangsa, tetapi

lebih mengenali dan mengidolakan para penghibur dalam nyanyian, lakonan dan juga sukan. Mereka lebih sensitif dengan perlakuan, penonjolan dan kata-kata daripada para penghibur ini daripada sensitif terhadap nasihat, tingkah laku dan juga watak para ilmuwan atau pemimpin mereka (kadang-kadang ibu bapa mereka) sendiri. Persepsi mereka terhadap golongan pembangun negara dan tamadun (ilmuwan, negarawan, sasterawan, dan karyawan) sudah dicorakkan oleh media massa yang ada. Mereka mewirakan dan mengidolakan golongan tersebut sehingga sampai ke tahap yang amat membimbangkan, apatah lagi disokong oleh media massa yang lebih mementingkan keuntungan material daripada berusaha membina persepsi pembaca, pendengar atau penonton mereka. Lihat sahajalah bagaimana media menonjolkan penghibur melalui acara perkahwinan mereka, bagaimana mereka menyambut hari kebesaran agama dan negara yang kadang-kadang dirasakan amat keterlaluan sehingga menghilangkan matlamat, semangat, konsep dan prinsip perkahwinan yang berada dalam budaya mereka sendiri; semangat dan prinsip bernegara; serta semangat dan prinsip beragama.

Dengan adanya teknologi komunikasi dan maklumat yang cukup canggih ketika ini, pelbagai fenomena dapat disimulasikan dan dianimasikan. Ini menjadikan watak, lakonan dan imej yang dilihat dalam televisyen atau wayang menjadi semakin ghairah untuk dilihat. Ini semua boleh membantu ke arah merubah persepsi para penontonnya, terutamanya sebagai alat penghibur.

Media dan Bahasa

Yang amat parah sekali adalah peranan media massa dalam merubah persepsi manusia terhadap bahasa. Hari ini dipaparkan kepada kita bahawa bahasa dunia adalah bahasa Inggeris. Dengan demikian semua orang perlu menguasai bahasa tersebut. Memang kita tidak nafikan peranan bahasa tersebut di peringkat antarabangsa, dan ia perlu dikuasai. Tetapi media massa menggambarkan seolah-olah bahasa anak watan tidak lagi berupaya untuk menyampaikan maklumat dan ilmu, terutamanya ilmu sains dan matematik. Lalu pengajaran sains dan matematik perlu diajar dan dibangunkan dalam bahasa asing ini. Secara tidak langsung bahasa ibunda mereka, yang berakar dalam acuan budaya, sastera, dan nilai-nilai anak bangsa perlu dikesampingkan. Kita amat faham bahawa bahasa bukan sekadar alat untuk berkomunikasi, malah jauh dari itu bahasa adalah pembentuk budaya, pembangun citra, pembina sahsiah dan jati diri. Sekiranya kita menggunakan bahasa orang lain sebagai alat komunikasi dalam sains dan matematik, ia juga akan menanam budaya, citra dan sahsiah orang lain dalam jiwa anak watan ketika sains dan matematik disampaikan.

Penulis (Mohd Yusof Hj Othman 2005, 2007) telah berulang kali menyebut bahawa 'adil' tidak sama dengan '*justice*', 'ikhlas' tidak sama dengan '*sincerity*', 'adab' tidak sama dengan '*manner*', 'akhlik' tidak sama dengan '*ethic*', 'mesyuarat' tidak sama dengan '*meeting*', 'masyarakat' tidak sama

dengan ‘*society*’, ‘amanah’ tidak sama dengan ‘*trust*’, dan pelbagai istilah lagi yang membina budaya, citra dan sahsiah diri sesuatu bangsa. ‘Adil, ikhlas, adab, akhlak, mesyuarat, masyarakat, amanah dan sebagainya hanyalah dapat difahami sekiranya kita memahami konsepnya dalam ajaran Islam yang tidak terlepas dari nilai ketuhanan, manakala *justice, sincerity, manner, ethic, meeting, society, trust* dan sebagainya mengandungi nilai-nilai yang dibawa oleh ajaran dan fahaman dalam bahasa Inggeris yang mengabaikan tuhan. Semuanya ini akan merubah persepsi manusia kepada bahasa yang diungkapkan, apatah lagi diadaptasikan ke dalam bahasa mereka sendiri.

Media dan Persepsi Manusia

Terakhir ini, dengan adanya sistem media global seperti CNN, BBC, ALJAZEERA, Star TV, HBO, AXN, Discovery Channel dan sebagainya, persepsi manusia secara global telah bertukar dan dicorakkan oleh penyampai maklumat berkenaan. Contoh yang ketara adalah bagaimana mereka berusaha untuk membentuk pandangan awam masyarakat terhadap isu yang berlaku di Timur Tengah, terutamanya pergolakan antara Palestin dan Israel. Kita dimaklumkan (melalui rangkaian televisyen ALJAZEERA pada 20, 21 dan 22 Januari 2009) hanya dalam masa 22 hari sahaja pencerobohan tentera Israel terhadap rakyat Palestin di Gaza seramai 13 orang Israel (3 daripadanya orang awam) terbunuh, manakala 1315 penduduk Gaza yang sepertiga daripadanya adalah kanak-kanak dan hampir kesemuanya wanita, orang tua dan orang awam terbunuh; lebih 5300 penduduk Gaza cedera (1855 kanak-kanak); 100,000 hilang rumah tangga; 400,000 hilang bekalan air¹, tetapi Israel masih mengatakan bahawa serangannya adalah wajar kerana bimbangkan tentera Palestin menyerangnya, walhal semua orang tahu senjata yang dimiliki oleh Palestin cukup primitif. Tentera Israellah yang telah menceroboh bumi Palestin sejak dari 1948 lagi, melanggar semua perjanjian yang diadakan antara Palestin dan Israel serta resolusi yang telah diambil oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Tentera Israel kemudiannya membina pagar besar sehingga penduduk Palestin ‘dipenjarakan’ di bumi sendiri dan terpisah dari negara luar.

Israel menggunakan sepenuhnya media massa yang pro kepada mereka untuk mengubah persepsi seluruh umat di dunia ini agar memihak kepada mereka, walaupun semua kumpulan hak asasi manusia di dunia dengan bukti-bukti yang sahih mengatakan sebaliknya². Malah hari ini pun Kerajaan Mesir diheret bersama dengan turut serta membina tembok dari konkrit besi di sempadan Mesir dengan Gaza di sekitar Rafah. Kita juga masih menunggu-nunggu apakah Mahkamah Antarabangsa akan bersidang untuk mengadili perkara ini dengan saksama.

Isu yang lain adalah isu *Islamofobia*³, yakni isu yang berusaha untuk menakut-nakutkan masyarakat dunia dengan doktrin yang dibawa oleh ajaran Islam. Islam bukanlah agama baru, malah Islam telah bertapak lebih 1400

tahun yang lalu, yang telah pun berjaya membina tamadun, dan berjaya pula membuktikan kepada dunia tentang kebenaran ajaran yang dibawanya, yang berusaha untuk membangunkan dunia ini untuk dinikmati oleh semua makhluk yang menghuninya - disebut dalam al-Qur'an sebagai *rahmatan lil-alamiin*. Semua orang tahu bahawa doktrin yang dibawa oleh Islam adalah terkandung di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. yang jelas dan amat nyata sekali, di samping pandangan, buah pemikiran dan ulasan yang diberikan oleh pemikir-pemikir Islam di zaman terdahulu, kini, dan juga Insyaallah di masa akan datang. Tetapi kita lihat 'pertembungan budaya' kini seolah-olah menafikan ajaran dan doktrin Islam yang sebenarnya, malah kalimah 'Islam' itu dianggap kalimah durjana.

PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

Kehidupan manusia tidak terbatashanya kepada hubungan sesama manusia, tetapi juga hubungan manusia dengan alam tabii di persekitarannya. Kesejahteraan yang dinikmati oleh manusia adalah akibat daripada kehidupan yang sejahtera antara sesama manusia dengan alam tabii di persekitarannya. Manusia adalah khalifah Allah (Soenarjo et al. 1412H) yang diturunkan ke dunia ini sebagai pentadbir dan pengurus yang bertanggungjawab ke atas pembangunan di dunia ini. Sebagai khalifah, manusia diberikan Allah kemampuan untuk memahami ciri-ciri tabii alam secara terbatas melalui pendekatan saintifik. Tujuannya tidak lain semata-mata untuk memudahkan urusan mereka di dalam mentadbir alam ini.

Secara tabiinya alam ini berada dalam keadaan harmoni, seimbang dan koheren antara satu dengan yang lain. Setiap satu memerlukan antara satu dengan yang lain; saling menyokong dan saling membantu di dalam keadaan yang cukup harmoni. Keharmonian ini dimanifestasikan oleh keadaan mereka yang 'senantiasa bertasbih' dan 'memuji Engkau (ya, Allah)' sebagaimana yang dinyatakan oleh Malaikat dalam ayat 30, surah al-Baqarah. Kebimbangan Malaikat adalah dengan adanya manusia di bumi ini, keharmonian ini akan terganggu dan akan menempa kerosakan.

Dalam usaha untuk membangun alam ini demi kelangsungan hidup, manusia berkecenderungan untuk menguasai dan mengeksplorasi alam tabii ini secara berlebihan setelah memahami tabii alam dengan menggunakan pemahaman sains dan teknologi yang mereka miliki. Akibat daripada kerakusan mengeksplorasi alam ini secara berlebihan yang tidak dipandu oleh agama, keseimbangan alam tabii terganggu dan tidak dapat dikekalkan. Peristiwa pemanasan global, pencemaran alam sekitar, perubahan cuaca, tanah runtuh, banjir kilat, gelombang besar tsunami, hujan asid, gempa bumi, dan sebagainya, semuanya menyumbang kepada ketidakstabilan ekosistem yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia. Memang alam ini perlu terus dibangunkan, keselesaan

hidup perlu ditingkatkan, teknologi perlu dibangunkan selaras dengan keperluan manusia, namun apabila keseimbangan alam tidak dikekalkan, alam menjadi tidak seimbang, kita mengundang mala petaka hasil perbuatan tangan kita sendiri.

Menyedari kepincangan dalam proses pembangunan ini, beberapa deklarasi mengenai alam sekitar telah pun diusahakan oleh UNDP (*United Nation Development Programme*) untuk memastikan pembangunan yang lestari. Deklarasi Reo de Jenerio (1992) yang diadakan pada 3 – 14 Jun 1992 (Reo de Jenerio Declaration 2010) dan Protokol Kyoto (1997) yang disepakati pada 11 Disember 1997 (Kyoto Protocol 2010) merupakan antara dua deklarasi di mana Malaysia turut sama menandatangannya. Malaysia sendiri telah mengadakan Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar pada 20 September 2006 (Langkawi Declaration 2010) yang ditandatangani oleh ketua-ketua Negara Commonwealth untuk memastikan pembangunan negara secara lestari dan mesra alam. Deklarasi yang terbaru adalah *United Nations Climate Change Conference 2009* (COP15) yang diadakan di Copenhagen pada 7 – 18 Disember 2009 (Copenhagen Declaration 2010).

Untuk mengatasi semua ini, alam sekitar perlu ditadbir urus melalui kaedah dan pendekatan yang lebih seimbang dan menyeluruh. Pembangunan insan yang berteraskan kepada kehidupan yang berteraskan nilai-nilai murni agama, bertanggungjawab dengan alam, membangun alam secara terancang perlulah diberi penekanan yang bersungguh-sungguh. Pembangunan sains dan teknologi yang berteraskan kepada ajaran agama dan nilai budaya masyarakat perlulah diterapkan kepada seluruh peringkat masyarakat. Penyelidikan dan pemantauan terhadap alam tabii perlu dilakukan secara berterusan agar pembangunan yang dijalankan tidak mendatangkan risiko yang tinggi kepada kehidupan sejagat.

PENGURUSAN EKOSISTEM LESTARI

Terdapat empat unsur utama dalam mengurus keseimbangan ekosistem agar menghasilkan kehidupan alam yang lebih harmoni dan seimbang (LESTARI, UKM t.th). Kajian kes telah dilakukan di Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dengan harapan dapat dikembangkan ke peringkat kebangsaan.

Pengurusan Hutan

Pengurusan hutan yang baik akan memastikan keharmonian alam sekitar yang lestari. Antara kegunaan hutan yang terpenting yang perlu difahami masyarakat awam adalah (LESTARI, UKM t.th):

- Fungsi utama hutan adalah sebagai tempat tinggal hidupan pelbagai haiwan, serangga dan tumbuhan itu sendiri. Ia juga membekalkan pelbagai makanan

untuk hidupan berkenaan. Dengan demikian, hutan menjadi bahan kajian pelbagai habitat yang teramat penting kepada manusia.

- Hutan merupakan pembekal utama kepada kayu kayan dan industri yang berhubung dengan kayu kayan yang amat berguna untuk manusia.
- Secara tradisi, hutan juga pembekal pelbagai herba ubatan yang menjadi kegunaan utama penduduk.
- Hutan juga adalah menyumbang utama kepada kestabilan alam sekitar di mana ia dapat mengawal pencemaran, hakisan dan tanah runtuh, dan pembekal utama kepada sumber air secara tabii.
- Hutan dianggap sebagai ‘paru-paru dunia’ kerana sumbangannya dalam mengitar karbon dioksida dan menghasilkan 20 % oksigen di bumi ini. Sekiranya hutan ditebang tanpa pengurusan yang baik akan menyebabkan dahan, daun dan sarap mereput dan akan menghasilkan gas metana, gas nitrat dan karbon dioksida yang boleh menyumbang kepada pemanasan global.
- Hutan juga menyumbang kepada kawasan riadah dan rekreasi. Menjadi sumber tarikan kepada pelancong untuk melihat pelbagai habitat dan suasana hutan yang unik serta berbeza dari satu lokasi dengan lokasi yang lainnya.

Dengan demikian, hutan perlu diselenggarakan dengan baik dan usaha untuk penanaman semula pokok boleh membantu dalam mengurangkan kadar pemanasan global dan keseimbangan alam.

Pengurusan Air

Air adalah nadi kehidupan. Tanpa air tidak mungkin wujud hidupan di alam ini. Semua hidupan sama ada manusia, haiwan, dan tumbuhan amat memerlukan air yang bersih (tidak bertoksik) dan cukup untuk hidup. Air yang berkurangan dan tercemar akan menyebabkan sebahagian hidupan akan pupus, manakala air yang berlebih pula akan merosakkan alam akibat tanah runtuh dan aliran air yang tidak sempurna. Dua per tiga dari bumi ini dilitupi oleh air, namun hanya 2.5 % merupakan air tawar. Hanya 0.8 % daripada air ini yang terdapat di sungai, tasik dan air bawah tanah yang boleh digunakan oleh manusia untuk keperluan hidup sehari-hari (LESTARI, UKM t.th). Antara keperluan air yang perlu diketahui oleh masyarakat awam adalah untuk:

- kegunaan aktiviti sehari-hari manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.
- keseimbangan alam sekitar supaya sesuatu lokasi itu tidak kering kontang yang menyebabkan tiada hidupan yang mungkin hidup. Juga memastikan aliran air seimbang.
- sumbangan kepada industri pertanian.
- memberikan sumber protein kepada manusia seperti perikanan dan juga tumbuhan yang tumbuh di air.

- penjanaan tenaga seperti hidro dan juga sistem mekanikal yang lain.
- sistem pengangkutan yang menggunakan air.
- pelancongan dan rekreasi, termasuk sukan air.

Dengan demikian air perlu diurus dengan baik agar dunia memperoleh sumber air yang cukup dan bersih untuk menampung semua hidupan yang memerlukannya.

Pengurusan Tenaga

Tenaga adalah sumber utama bagi segala aktiviti di alam ini. Tanpa tenaga tidak mungkin ada sebarang pergerakan. Tanpa pergerakan tidak mungkin ada pembangunan, tanpa pembangunan tidak mungkin ada kemajuan. Lebih maju sesebuah negara, lebih hebat pergerakan aktiviti mereka yang ditandai dengan rangkaian lebuh raya, rangkaian kereta api, rangkaian pelabuhan dan lapangan terbang yang mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik dan sebagainya. Semuanya ini memerlukan tenaga yang mencukupi. Sejarah telah membuktikan kepada kita bahawa terdapat negara yang sanggup ke medan perang demi semata-mata untuk memastikan mereka memperoleh tenaga yang mencukupi untuk pembangunan negara mereka. Peperangan yang berlaku dalam tahun 1967 dan 1973, revolusi di Iran 1978 dan penaklukan di Iraq 2003 semuanya memberi kesan kepada harga petroleum dunia.

Tenaga diperlukan dalam semua sektor perindustrian, kegunaan awam dan juga sektor domestik. Negara perindustrian tidak mungkin dapat dibangunkan tanpa bekalan tenaga elektrik yang mencukupi dan berkualiti. Malah syarat utama untuk menjamin pelabur luar negara melabur di sesebuah negara adalah bekalan tenaga yang terjamin dan berkualiti pada harga yang berpatutan. Di sektor awam, tenaga diperlukan dalam pengangkutan, di pejabat dan juga bangunan. Manakala di sektor domestik, tenaga diperlukan dalam rumah kediaman yang semakin hari permintaan kepada tenaga terus meningkat disebabkan keperluan kepada kehidupan yang lebih selesa, di samping penambahan penduduk yang meningkat.

Penggunaan tenaga yang meningkat akan memberikan kesan negatif kepada alam sekitar. Ini disebabkan sumber utama kepada bekalan tenaga kini adalah bahan bakar fosil yang terdiri dari petroleum, gas dan arang batu. Pembakaran bahan bakar fosil akan memberikan kesan negatif kepada alam sekitar sebab gas yang dihasilkan dapat menyumbang kepada kesan rumah hijau. Untuk itu sumber tenaga yang mesra alam seperti tenaga keterbaharuhan (tenaga suria, angin, biojisim, biogas, mini hidro, biodiesel) (Mohd Yusof Hj Othman 2009) perlu diusahakan.

Keperluan kepada usaha mencari sumber tenaga baru diperlukan kerana (Kamaruzzaman Sopian 2008; LESTARI, UKM t.th):

- Sumber tenaga fosil adalah terbatas, dan insyaallah akan pupus jua akhirnya jika digunakan berterusan sebab sumber tenaganya tidak boleh diperbaharui.
- Pembakaran tenaga fosil akan menyebabkan kesan yang negatif terhadap alam sekitar kerana ianya menghasilkan gas rumah hijau yang memberi sumbangan kepada hujan asid, pemanasan global dan menjelaskan ekosistem alam. Perlu diingat sektor pengangkutan menggunakan sekitar 40 % sumber tenaga fosil dunia yang sehingga kini belum diperoleh sumber tenaga ganti yang bersesuaian dan mesra alam.
- Kebergantungan kepada penggunaan sumber tenaga fosil dapat dikurangkan dengan menggunakan sumber tenaga keterbaharuan yang lebih mesra alam. Dengan demikian menjamin bekalan tenaga untuk masa hadapan.
- Peningkatan jumlah penduduk dunia yang menyebabkan permintaan kepada tenaga akan meningkat.
- Negara membangun juga perlu membangunkan negara mereka yang menyebabkan permintaan tenaga dunia terus meningkat. Dianggarkan sekarang ini lebih daripada dua bilion penduduk dunia tidak mendapat bekalan elektrik.
- Pembangunan dunia yang tidak seimbang antara negara kaya dan negara miskin. Negara membangun merupakan penyumbang utama kepada bekalan sumber tenaga fosil, sedangkan pengguna sumber tenaga fosil utama adalah negara maju.

Ternyata usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilaksanakan untuk memastikan dunia memperoleh sumber tenaga yang mencukupi, tidak mencemarkan alam, dan lestari.


Pengurusan Sisa

Sisa merupakan bahan buangan yang tidak lagi diperlukan. Dengan demikian ianya perlu dibuang. Sisa berpunca daripada aktiviti manusia, binatang dan tumbuhan. Sisa binatang dan tumbuhan biasanya bersifat organik yang sekiranya diurus dengan baik dapat dikitarkan semula. Tetapi sisa hasil daripada aktiviti manusia amat rencam sehingga memerlukan kepada proses pengurusan yang lebih canggih. Oleh sebab kepelbagaiannya aktiviti manusia, dari individu sehingga kepada aktiviti perkilangan di industri dan sistem pengangkutan, maka sisa yang dihasilkan boleh bersifat pepejal, cecair atau gas yang kadang-kadang boleh mencemarkan alam sekitar.

Sisa gas yang bertoksik seperti hasil pembakaran bahan bakar fosil mencemarkan alam sekitar. Begitu juga sisa cecair seperti sisa buangan kilang tekstil, kertas, dan sisa kilang yang lain apabila dilepaskan ke dalam sungai boleh mencemarkan sungai dan mematikan atau merencatkan hidupan di air. Proses pengurusan sisa berbentuk cecair dan gas amat rumit dan kadang-

kadang memerlukan belanja yang tinggi kerana ia perlu di nyahtoksik sebelum dapat dilepaskan ke udara atau sungai.

Sisa pepejal pula dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama: sisa organik, sisa tak organik dan sisa yang boleh dikitarkan semula. Kajian di UKM (LESTARI, UKM t.th) mendapati, sekiranya 43 % daripada 8 tan sisa pepejal yang dihasilkan adalah sisa organik yang boleh diproses dijadikan baja organik yang boleh diguna semula, 36 % bahan plastik, 17 % kertas, 2 % logam, 1 % getah dan kulit, dan 1 % lagi kaca. Rajah 1 menunjukkan kaedah terbaik yang digunakan untuk mengurus sisa pepejal, dengan kaedah yang paling lestari adalah dengan pencegahan sisa.



Rajah 1 Hierarki pengurusan sisa pepejal

Untuk mengurus sisa pepejal, kaedah yang dapat digunakan adalah pelupusan, yakni dengan melupuskan di tempat pembuangan sisa, dengan dibakar untuk diambil tenaganya, dikitarkan semula, penggunaan semula, pengurangan sisa dan pencegahan sisa. Pelupusan sisa dengan dikambus merupakan kaedah yang paling tidak mesra alam sebab boleh menjasakan tanah, menghasilkan gas metana, dan cecair toksik yang boleh mencemarkan air bawah tanah.

Pengurangan sisa bermaksud mengurangkan sisa di sumbernya seperti guna semula botol plastik, kitar semula kertas terpakai, kurangkan menggunakan beg plastik, penggunaan bahan sisa yang minimum.

Cara yang terbaik dan berkesan untuk mengurus sisa adalah dengan mengenal pasti komposisi sisa di sumbernya, dan dilakukan proses pengasingan di peringkat yang lebih awal. Sisa bahan organik misalnya dapat diasingkan dari sisa bahan yang boleh dikitarkan semula. Bahan yang boleh dikitarkan semula pula dikenal pasti jenisnya supaya dapat dipisahkan antara plastik dengan bahan aluminium.

MEDIA MASSA DAN ALAM SEKITAR

Seperti yang dibicarakan di awal rencana ini, media amat berperanan untuk menyampaikan maklumat dan mesej kepada masyarakat awam. Media juga boleh mencorakkan pemikiran masyarakat agar sentiasa peka dengan isu yang berhubung dengan alam sekitar, dan mengambil tindakan yang bersesuaian. Di negara yang sedang membangun seperti Malaysia peranan media adalah penting. Tetapi isu yang perlu diberikan perhatian adalah:

- Apakah pengamal media memahami isu yang berhubung dengan alam sekitar? Sejauh mana kefahaman mereka ini dapat disalurkan melalui penulisan atau visual untuk di ketengahkan kepada khalayak ramai? Pemahaman mereka terhadap isu alam sekitar ini membolehkan mereka menyampaikan mesej alam sekitar dengan lebih baik.
- Bahasa apa yang digunakan oleh media untuk menyampaikan mesej alam sekitar? Media seharusnya menggunakan bahasa yang mudah dan dapat difahami oleh masyarakat awam. Istilah saintifik yang asing mungkin lebih tepat, tetapi sekiranya masyarakat tidak memahaminya, mesej yang ingin disampaikan mungkin tidak dapat difahami. Dengan demikian media mesti memahami siapakah khalayak yang ditujukan mesej alam sekitar berkenaan – Pembuat dasar, kalangan profesional, masyarakat awam bandar, masyarakat awam kampung, pelajar sekolah, pelajar universiti dan sebagainya.
- Media massa juga mesti berusaha untuk memperkenalkan tokoh ilmuwan (mungkin juga penyelidik), pembuat dasar dan mereka yang aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan yang berwibawa dan berautoriti dalam bidang alam sekitar, bukan golongan populis yang lebih mementingkan populariti.
- Isu yang berhubung dengan alam sekitar biasanya lebih bersifat tempatan daripada antarabangsa. Dengan demikian media perlu membawa isu tempatan ini ke tengah masyarakat. Apa yang berlaku di Barat dan di negara maju mungkin boleh dijadikan iktibar, tetapi akhirnya nanti masyarakat tempatan seharusnya bertindak untuk menyelesaikan isu alam sekitar di tempat mereka.
- Media juga perlu menerangkan kepada masyarakat tentang polisi dan dasar kerajaan yang ada tentang alam sekitar. Apakah ada mekanisme dalam dasar tersebut yang membolehkan isu alam sekitar di ketengahkan kepada khalayak ramai. Apakah ada penguatkuasaan yang bersungguh-sungguh daripada pihak yang berwajib.
- Sejauh manakah pihak badan bukan kerajaan juga turut terlibat dalam membicarakan isu alam sekitar dari perspektif yang sebenar.
- Isu alam sekitar memerlukan kepada pemupukan nilai-nilai murni berdasarkan kepada acuan budaya dan agama yang mantap, bukan arahan dan juga penguatkuasaan semata-mata.

KESIMPULAN

Alam sekitar merupakan suatu amanah yang perlu dipikul bersama oleh setiap lapisan masyarakat. Setiap kalangan masyarakat, dalam kedudukan mereka masing-masing, perlu bertindak sewajarnya untuk menyelesaikan isu ini. Pendekatan yang paling sesuai adalah melalui pendidikan yang dilaksanakan dalam pelbagai peringkat dan bentuk.

Pendidikan sahaja belum pasti dapat menyelesaikan semua masalah sekiranya kita tidak mempunyai polisi dan dasar yang jelas untuk mengatasinya. Untuk memastikan yang polisi dan dasar terlaksana, kita memerlukan kepada sistem penguatkuasaan yang berkesan untuk memastikan polisi dan dasar ini terlaksana.

Kerajaan juga perlu memastikan bahawa di sana terdapat suatu mekanisme yang membolehkan alam sekitar dapat diurus dengan baik. Tong sampah dan kemudahan awam perlu disediakan di tempat-tempat awam dengan bilangan yang mencukupi agar masyarakat dapat menggunakan. Begitu juga dengan pokok dan tanaman yang ditanam dalam bandar perlu diurus dengan baik, agar ia benar-benar berfungsi.

Media massa amat berperanan dalam menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar. Tetapi penyampai mesej alam sekitar ini perlu dilaksanakan dalam bahasa yang dapat difahami oleh masyarakat berkenaan, kerana penyampaian yang sedemikian dapat memastikan budaya dan cita rasa kebangsaan dapat dibangunkan.

Nota hujung

¹ Rangkaian televisyen ALJAZEERA menyiaran secara terperinci perbincangan tentang peperangan 22 hari Israel-Palestin. Rangkaian berita berkenaan juga membicarakan tentang golongan Hak Asasi Antarabangsa yang berusaha untuk membawa Israel ke ICC (International Criminal Court) untuk didakwa. Berita ini masih menjadi liputan sewaktu rencana ini ditulis pada Januari 2010.

² Temu bual agensi berkenaan dengan rangkaian ALJAZEERA pada 26 Januari 2009 secara langsung, dan diulang tayang berkali-kali selepasnya.

³ Islamofobia adalah istilah yang digunakan untuk menakut-nakutkan masyarakat dengan ajaran dan doktrin yang dibawa oleh Islam. Usaha ini dilakukan dengan melabelkan agama Islam sebagai agama yang mengajur keganasan. Rasulullah s.a.w. digambarkan dengan watak yang jahat dengan membuat karikatur baginda dengan pelbagai tohmahan. Inilah suatu fitnah besar zaman ini.

RUJUKAN

- Copenhagen Declaration. 2010. The United Nations Climate Change Conference in Copenhagen. http://unfccc.int/meetings/cop_15/items/5257.php [17 Januari 2010].
- Kamaruzzaman Sopian. 2008. *Tenaga Keterbaharuhan – Laluan Masa Depan Bebas Karbon*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kyoto Protocol. 2010. Kyoto Protocol. http://unfccc.int/kyoto_protocol/items/2830.php [17 Januari 2010].
- Langkawi Declaration. 2010. Langkawi Declaration on the Environment. <http://www.greenpages.net.my/node/4> [17 Januari 2010].
- LESTARI, UKM. t.th. *Pengurusan Hutan*. Kumpulan Penyelidikan Pengurusan Ekosistem Lestari. Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM.
- LESTARI, UKM. t.th. *Pengurusan Sumber Air*. Kumpulan Penyelidikan Pengurusan Ekosistem Lestari. Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM.
- LESTARI, UKM. t.th. *Pengurusan Tenaga*. Kumpulan Penyelidikan Pengurusan Ekosistem Lestari. Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM.
- LESTARI, UKM. t.th. *Pengurusan Sisa*. Kumpulan Penyelidikan Pengurusan Ekosistem Lestari. Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM.
- Mohamad Sabri Haron. 2009. Konsep dan Falsafah Islam dalam Media. Dlm. Mohd Safar Hasim & Zulkiple Abd. Ghani (pnyt.). *Komunikasi di Malaysia Suatu Penelitian Awal Pendekatan Islam Hadhari*, hlm. 35-48. Bangi: Institut Islam Hadhari, UKM.
- Mohd Safar Hasim. 2005. *Akhbar di Malaysia-Antara Kebebasan dengan Tanggungjawab*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Yusof Hj Othman. 2005. Bahasa Melayu Wahana Pembangunan Negara: Perspektif Sains dan Teknologi. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Bahasa Melayu 2005 (PEKEBAYU '05), Bahasa Melayu Wahana Pembangunan Negara. Anjuran Jawatankuasa Penataran Bahasa Melayu (PENABAYU), UKM dan Dewan Bahasa dan Pustaka. t.tp, 6-8 September.

- Mohd Yusof Hj Othman. 2007. Bahasa & Sastera dalam Pembangunan Sains dan Teknologi. Kertas kerja Seminar Bahasa dan Sastera, Pemanfaatan Bahasa dan Sastera serta Sumber Peribumi dalam Pembangunan Sains dan Teknologi Demi Kemajuan Bangsa Serumpun. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan MASTERA. t.tp, 13-14 Mac.
- Mohd Yusof Hj Othman. 2009. *Tenaga untuk Manusia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Azran Muhammed & Mohd Mahadi Hj Isa. 2005. *Gerakan Freemasonry musuh dalam menghancurkan Islam*. Selangor: Lakhau Resources.
- Reo de Jenerio Declaration. 2010. Rio Declaration on Environment and Development. <http://www.unep.org/Documents.Multilingual/Default.asp?DocumentID=78&ArticleID=1163> [17 Januari 2010].
- Soenarjo, R.H.A., T.M. Hasbi Ashshiddiqi, H. Bustami A. Gani, H. Muchtar Jahya, H.M. Toha Jayha Omar, H.A. Mukti Ali, Kamal Muchtar, H. Gazali Taib, K.H.A. Musaddad, K.H. Ali Maksum & Busjairi Madjid. 1412 H. *Al-Qur'an dan Terjemahannya*. Medinah Munawwarah: Percetakan Kerajaan Saudi Arabia.
- Wikipedia. 2009a. Rene Descartes. http://en.wikipedia.org/wiki/Ren%C3%A9_Descartes [12 Januari 2009].
- Wikipedia. 2009b. Cogito ergo sum. http://en.wikipedia.org/wiki/Cogito_ergo_sum [12 Januari 2009].

